

SULIT

5226/2

SULIT
5226/2
Tasawwur
Islam
Kertas 2
Mei 2011
2 ½ Jam



JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU

Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu

PEPERIKSAAN OTI 1
Tingkatan 5
2011

TASAWWUR ISLAM

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas ini mengandungi **tujuh** soalan
2. Soalan **satu wajib** dijawab dan pilih **empat** soalan yang lain
3. Calon perlu menjawab **lima** soalan sahaja.

Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.

TERENGGANU NEGERI ANJUNG ILMU

Disediakan oleh: GURU AKRAM NEGERI TERENGGANU Dengan kerjasama: MPSM NEGERI TERENGGANU Dibiayai oleh: KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

Dicetak oleh:
Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
Tel: 609-666 8611/6652 8601 Faks: 609-666 0611/0063

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak

Soalan 1 mesti dijawab. Kemudian jawab empat soalan daripada mana-mana soalan berikutnya.

- 1 (a) Salah satu peranan mukjizat ialah mengukuhkan keyakinan orang ramai terhadap kerasulan Rasulullah SAW.
- (i) Nyatakan pengertian mukjizat. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** peranan mukjizat selain di atas. [4 markah]
- (b) (i) Huraikan **dua** peranan akal dalam kehidupan manusia. [4 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** perbuatan yang boleh merosakkan akal. [4 markah]
- (c) (i) Jelaskan **dua** ciri ajaran sesat. [4 markah]
- (ii) Senaraikan **dua** contoh ajaran sesat. [2 markah]
- 2 (a) Menurut Dr Abdul Karim Zaidan, sifat ketuhanan Rabbaniyyah merujuk kepada semua peraturan kehidupan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT.
- (i) Nyatakan **dua** prinsip lain bagi Rabbaniyyah. [2 markah]
- (ii) Kemukakan **dua** cara untuk memiliki sifat Rabbaniyyah dalam kehidupan seseorang. [4 markah]
- (iii) Terangkan **dua** ciri Islam sebagai agama langit. [4 markah]
- (b) Waqi'iyah bermaksud praktikal dan mampu diamalkan oleh semua golongan manusia.
- (i) Senaraikan **empat** contoh kesederhanaan dalam ibadat menurut prinsip Waqi'iyah. [4 markah]
- (ii) Huraikan **tiga** keistimewaan beribadat dengan berlandaskan prinsip Waqi'iyah. [6 markah]
- 3 (a) Seseorang khalifah mestilah mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang unggul dan karismatik.
- (i) Senaraikan **empat** ciri yang perlu dimiliki oleh seseorang khalifah [4 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** syarat yang perlu ada pada seorang pemimpin menurut Islam. [4 markah]
- (b) Kepentingan dan keistimewaan institusi kehakiman dalam Islam dapat dilihat melalui pelaksanaannya yang menyeluruh.
- (i) Terangkan **dua** kepentingan institusi kehakiman Islam. [4 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** matlamat sistem kehakiman Islam. [2 markah]
- (c) (i) Jelaskan maksud sistem sosial Islam. [2 markah]
- (ii) Huraikan **dua** implikasi pengabaian tanggungjawab sosial terhadap kehidupan manusia. [4 markah]

- 4 (a) Harta merupakan anugerah Allah SWT kepada manusia.
- (i) Nyatakan pengertian harta menurut Islam. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** sebab Islam menyuruh umatnya mencari harta. [4 markah]
- (b) Allah SWT memberi harta untuk menguji tahap keimanan dan kesyukuran seseorang kepadanya.
- (i) Terangkan **dua** bentuk ujian terhadap pemilik harta. [4 markah]
- (ii) Huraikan **tiga** cara yang patut dilaksanakan oleh pemilik harta sebagai tanda kesyukuran kepada Allah SWT. [6 markah]
- (c) (i) Terangkan dua pandangan Islam terhadap harta. [4 markah]
- 5 (a) (i) Nyatakan pengertian muamalah. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** keistimewaan bermuamalah secara Islam. [4 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** kesan mengamalkan muamalah Islam. [4 markah]
- (b) (i) Terangkan **dua** perkara yang merosakkan harta. [4 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kesan pencerobohan harta kepada masyarakat. [4 markah]
- (iii) Nyatakan **dua** contoh perbuatan vandalisme di sekolah. [2 markah]
- 6 (a) (i) Nyatakan pengertian ijtihad. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** matlamat ijtihad. [4 markah]
- (b) (i) Berikan **dua** perbezaan antara sistem perundangan Islam dengan sistem perundangan ciptaan manusia. [4 markah]
- (ii) Huraikan **dua** faedah melaksanakan perundangan Islam kepada negara. [4 markah]
- (c) (i) Terangkan **dua** cara menjaga nyawa. [4 markah]
- (ii) Berikan **dua** contoh perlakuan remaja masa kini yang menggadaikan nyawa mereka. [2 markah]
- 7 (a) (i) Nyatakan pengertian hukum wajib. [2 markah]
- (ii) Senaraikan **empat** contoh hukum wajib. [4 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** hikmat penetapan hukum harus. [4 markah]
- (b) Bencana alam seperti tsunami merupakan tanda kebesaran Allah SWT.
- (i) Huraikan **dua** pengajaran yang boleh diambil daripada peristiwa tsunami. [4 markah]
- (c) (i) Nyatakan **dua** punca berlakunya perbuatan homoseks dalam kalangan umat Islam hari ini. [2 markah]
- (ii) Cadangkan **dua** cara mengatasi perbuatan tersebut [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT